

**D.R. 52/97**

**Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*bernama*

Suatu Akta untuk meminda Akta Perindustrian Sekuriti  
(Depositori Pusat) 1991.

[ ]

**MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG**  
oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong  
dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan  
Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan  
dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

**1.** (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) (Pindaan) 1997.

Tajuk ringkas  
dan mula  
berkuat  
kuasa.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi peruntukan yang berlainan dalam Akta ini.

**2.** Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dalam seksyen 2—

Pmdaan  
seksyen 2.  
*Akta 453.*

(a) dalam takrif "sekuriti", dengan menggantikan perkataan "dan apa-apa kepentingan sepertimana yang ditakrifkan dalam seksyen 84 Akta Syarikat 1965" dengan perkataan ",apa-apa kepentingan sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 84 Akta Syarikat 1965 dan apa-apa kepentingan dalam skim amanah saham"; dan

(b) dengan memasukkan selepas takrif "sistem komputer" takrif yang berikut:

"skim amanah saham" mempunyai erti yang sama seperti yang diberikan kepada ungkapan itu di bawah seksyen  
*Akta 498.* 2 Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993;".

Pindaan  
seksyen 14.

**3.** Seksyen 14 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan subseksyen (5) dengan subseksyen yang berikut:

"(5) Jika sesuatu bursa saham telah menetapkan suatu sekuriti di bawah subseksyen (1) yang hendaklah didepositkan dengan depository pusat, penetapan itu hendaklah terpakai bagi penyenaian tambahan sekuriti itu dan kesemua jenis lain sekuriti yang diterbitkan oleh penerbit yang sama bagi penyenaian di bursa saham dan peruntukan subseksyen (1) dan (2) tidaklah terpakai berkenaan dengan penyenaian tambahan itu dan penyenaian jenis lain sekuriti itu."

Pindaan  
seksyen 22.

**4.** Seksyen 22 Akta ibu adalah dipinda dalam subseksyen (1) dengan menggantikan perkataan "dan peruntukan-peruntukan seksyen ini," dengan perkataan "; peruntukan-peruntukan seksyen ini dan kaedah-kaedah depository pusat,".

Pindaan  
seksyen 34.

**5.** Seksyen 34 Akta ibu adalah dipinda dalam subseksyen (1) dengan menggantikan perkataan "melalui notis bertulis, menghendaki suatu depository pusat" dengan perkataan "mengikut cara yang ditetapkan oleh kaedah-kaedah depository pusat menghendaki depository pusat itu".

Pindaan  
seksyen 35.

**6.** Seksyen 35 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

"(1) Walau apa pun peruntukan  
*Akta 125* Akta Syarikat 1965, seseorang pendeposit mana-mana sekuriti telah-deposit yang namanya terdapat dalam

*Akta 125.*

rekod pendeposit adalah berhak kepada segala hak, faedah, kuasa dan keistimewaan dan tertakluk kepada segala liabiliti, kewajipan dan obligasi yang berkenaan dengan, atau yang berbangkit daripada, sekuriti itu (sama ada yang diberikan atau dikenakan oleh Akta Syarikat 1965, atau memorandum atau perkara-perkara persatuan penerbit sekuriti itu, atau selainnya) seolah-olah dia ialah—

- (a) seorang anggota yang didaftarkan dalam daftar anggota;
- (b) seorang pemegang yang didaftarkan dalam daftar pemegang debentur yang disenggarakan oleh penerbit itu; atau
- (c) seorang pemegang yang didaftarkan—
  - (i) dalam daftar pemegang kepentingan yang disenggarakan oleh suatu syarikat pengurusan di bawah Akta Syarikat 1965; atau
  - (ii) dalam daftar pemegang unit yang disenggarakan oleh suatu syarikat pengurusan di

*Akta 125.*

*P.U (A)*  
439/96.

bawah Peraturan-  
Peraturan  
Suruhanjaya  
Sekuriti (Skim  
Amanah Saham)  
1996,

dan bukannya depository pusat  
itu, atau syarikat namaannya,  
yang atas namanya sekuriti  
telah-deposit itu didaftarkan.";  
dan

(b) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan  
subseksyen yang berikut:

"(2) Walau apa pun peruntukan subseksyen  
(1), tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh  
ditafsirkan sebagai menyifatkan suatu rekod  
pendeposit sebagai—

*Akta 125.* (a) suatu daftar anggota yang  
disenggarakan di bawah  
seksyen 158 Akta Syarikat  
1965;

*Akta 125.* (b) suatu daftar pemegang  
debentur yang disenggarakan  
di bawah seksyen 70 Akta  
Syarikat 1965;

*Akta 125.* (c) suatu daftar pemegang  
kepentingan yang  
disenggarakan di bawah  
seksyen 92 Akta Syarikat  
1965; atau

*P.U (A)*  
439/96. (d) suatu daftar pemegang unit  
yang disenggarakan di bawah  
peraturan 34 Peraturan-  
Peraturan Suruhanjaya  
Sekuriti (Skim Amanah  
Saham) 1996."

7. Seksyen 38 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan  
seksyen 38.

- (a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

"(1) Jika penerbit atau pembuat tawaran, berhubung dengan mana-mana sekuriti telah deposit—

- (a) membuat suatu terbitan bonus, atau menerbitkan sekuriti-sekuriti di bawah suatu terbitan hak atau penukaran mana-mana sekuriti hutang;
- (b) menerbitkan sekuriti-sekuriti menurut perjalanan apa-apa hak atau opsi untuk memperoleh sekuriti-sekuriti dalam modal syer penerbit itu; atau
- (c) membuat suatu tawaran bagi penjualan sekuriti-sekuriti,

penerbit atau pembuat tawaran itu hendaklah memberitahu depositori pusat itu nama-nama penerima umpukan atau orang yang berhak bersama-sama dengan butir-butir yang dikehendaki oleh depositori pusat itu bagi maksud membuat catatan-catatan yang sesuai dalam akaun-akaun sekuriti penerima-penerima umpukan atau orang yang berhak, masing-masing, dan hendaklah menyerahkan kepada depositori pusat itu skrip-skrip yang berkenaan (dalam peringkat-peringkat nilai yang dinyatakan oleh depositori pusat itu) yang didaftarkan atas nama depositori pusat itu atau syarikat namaannya."; dan

- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

"(3) Bagi maksud seksyen ini—

- (a) "orang yang berhak" ertinya orang yang telah diumpukkan sekuriti oleh pembuat tawaran dalam tawaran bagi penjualan; dan

(b) "pembuat tawaran", berhubungan dengan mana-mana sekuriti, ertinya tuan punya sekuriti itu."

Seksyen baru 41A. **8.** Bahagian III Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 41 seksyen yang berikut:

“Not is amanah. 41A. Tiada notis apa-apa amanah yang, nyata, tersirat atau konstruktif, boleh diterima oleh depositori pusat dan depositori pusat atau apa-apa jua yang dilakukan oleh depositori pusat berhubungan dengan sekuriti telah-deposit tidaklah terjejas oleh notis apa-apa amanah itu.”

Pinclaan Seksyen 61. **9.** Seksyen 61 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

"(2) Mana-mana pegawai boleh, jika dia diberi kuasa secara bertulis oleh Pendakwa Raya, mendakwa apa-apa kes berkenaan dengan apa-apa kesalahan yang dilakukan di bawah Akta ini."

Seksyen baru 61A. **10.** Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 61 seksyen yang berikut:

“Suruhanjaya boleh diwakili oleh pegawai dalam prosiding sivil. 61A. (1) Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain—

(a) dalam mana-mana prosiding sivil oleh atau terhadap Suruhanjaya; atau

(b) dalam mana-mana prosiding sivil lain yang Suruhanjaya dikehendaki atau dibenarkan oleh mahkamah diwakili, atau didengari, atau selainnya berhak diwakili atau didengari,

mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Suruhanjaya bagi maksud itu, boleh, bagi pihak Suruhanjaya, memulakan prosiding itu atau hadir sebagai peguambela dalam prosiding itu dan boleh memasukkan segala kehadiran dan membuat segala permohonan dan melakukan segala perbuatan berkenaan dengan prosiding itu bagi pihak Suruhanjaya.

*Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1*  
*(Pindaan)*

(2) Bagi maksud subseksyen (1), "pegawai"  
mempunyai erti yang sama seperti dalam seksyen 2  
Akta 498. Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993."

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 ("Akta").

2. *Fasal 1* bertujuan membuat peruntukan bagi tajuk ringkas dan mula berkuat kuasanya Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan meminda takrif "sekuriti" dalam seksyen 2 Akta yang berbangkit daripada pindaan seksyen 84 Akta Syarikat 1965 yang dibuat melalui Akta Syarikat (Pindaan) 1995.

*Fasal* ini juga bertujuan memasukkan takrif baru "skim amanah saham" dalam seksyen 2 Akta untuk mentakrifkan ungkapan yang digunakan dalam takrif "sekuriti" yang dipinda.

4 *Fasal 3* bertujuan meminda seksyen 14 Akta bagi memenuhi penetapan automatik penerbitan tambahan sekuriti oleh seorang penerbit.

5. *Fasal 4* bertujuan meminda seksyen 22 Akta untuk mencerminkan hakikat bahawa pengeluaran sekuriti juga tertakluk kepada kaedah-kaedah depositor) pusat.

6. *Fasal 5* bertujuan meminda seksyen 34 Akta bagi membuat peruntukan yang luwes mengenai cara seseorang penerbit boleh memohon rekod pendeposit daripada depositori pusat.

7. *Fasal 6* bertujuan meminda seksyen 35 Akta. Pindaan ini berbangkit daripada pindaan seksyen 84 Akta Syarikat 1965 yang dibuat melalui Akta Syarikat (Pindaan) 1995. Selepas pindaan kepada seksyen 84 Akta Syarikat 1965 dibuat, semua skim amanah saham dikawal selia di bawah Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Sekuriti (Skim Amanah Saham) 1996.

8. *Fasal 7* bertujuan meminda seksyen 38 Akta bagi membuat peruntukan mengenai keadaan yang melibatkan tawaran bagi penjualan sekuriti.

9. *Fasal 8* bertujuan memasukkan seksyen baru 41A ke dalam Akta untuk memastikan pengendalian depositori pusat tidak terjejas oleh notis amanah.

10. Pindaan kepada *fasal 9* diperlukan berikutan keputusan kes *Repc Holdings Bhd. Iwn. Pendakwa Raya (1997)*.

11. *Fasal 10* bertujuan memasukkan seksyen baru 61A ke dalam Akta untuk membolehkan Suruhanjaya diwakili dalam mana-mana prosiding sivil oleh mana-mana pegawai Suruhanjaya yang diberi kuasa oleh Suruhanjaya bagi maksud itu.

*MPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan tambahan. [PN. (U<sup>2</sup>) 1974.]